

# Semangat Beragama yang Membina

Azhar Ibrahim Alwee  
Universiti Nasional Singapura

Seseorang yang bersemangat itu sering dipuji kerana memiliki sifat dan sikap yang baik dalam melakukan dan menyakini sesuatu. Bersemangat dianjurkan malahan boleh dipupuk dan dipertingkat.

Dalam kehidupan seharian orang Melayu, kita sering mendengar perkara tentang ‘semangat’. Bila orang itu ada semangat kerja yang baik, bererti dia ada potensi untuk lebih maju dalam bidang kerjayanya itu.

Tapi kita juga pernah dengar tentang orang “hilang semangat” atau “patah semangat” apabila sesuatu yang tidak baik menimpa pada dirinya sehingga membawa kesan negatif kepada diri seseorang itu.

Semangat umumnya memberi kekuatan dalaman dan keyakinan sehingga menentukan cara dan tahap seseorang itu berfikir dan bertindak.

Apabila seseorang itu memiliki semangat beragama yang kuat, tentu saja ianya dipuji dan disanjung. Soalnya sekarang semangat yang macam mana?

Di sini ada baiknya kita menghuraikan persoalan peripentingnya *semangat beragama yang membina*. Ini mesti dibezakan daripada *semangat beragama yang meruntuh*, yakni keterbalikan daripada yang membina itu.

Semangat agama yang membina adalah cerminan daripada keutuhan nilai, pemikiran dan perbuatan yang membolehkan seseorang itu memiliki ciri-ciri manusiawi, disinari dengan cahaya keimanan dan ketakwaan kepada Tuhan Yang Esa.

Terdapat lapan perkara penting yang mencirikan semangat beragama yang membina.

**Pertama**, semangat ini memiliki ciri berilmu dan berhikmah. Semangat beragama ini tidak kosong atau kering dari segi pengisian ilmu dan hikmah keagamaan dan kemanusiaan.

Pencarian dan penguasaan ilmu diiktiraf, mentelah lagi ilmu tersebut memanfaatkan individu dan masyarakat sekelilingnya, iaitu ilmu yang menerangkan, membebaskan, menjayakan dan membahagiakan kehidupan manusia ini.

**Kedua**, beradab dan pekerti. Semangat yang membina punyai sifat yang hormat pada *semua* manusia dan kehidupan di sekelilingnya, sebagai makhluk dan ciptaan Tuhan yang telah dianugerahkan martabat dan hak untuk wujud.

Dalam pergaulan, tutur bahasa dia menunjukkan pekerti tinggi, bukan saja cara dia melafazkan tetapi juga isi yang diungkapkan, sama ada pada saudaranya mahupun lawannya. Jelasnya, lafaznya itu menyentuh dan mengubati, bukan menjengkel dan menyakiti pada yang lain.

Seseorang seperti itu mampu melihat kepelbagaian kehidupan itu sebagai rahmat Tuhan, dan perbezaan agama, ras, budaya dan pemikiran tidak sampai membenarkan dia untuk menolak dan menafikan mereka yang bukan sepertinya.

**Ketiga**, beretika dalam kesedaran dan perbuatan. Amalan ibadat dalam agamanya meliputi juga perbuatan beretika, sehingga dia menolak segala perbuatan yang tidak manusiawi, yang melanggar hukum, bersekongkol dalam perbuatan korupsi, memfitnah, menceroboh bahagian orang lain, menipu, memutarbelitkan fakta, membubuh bibit permusuhan dan prejudis sesama manusia, termasuk menafikan hak-hak yang sah bagi orang lain, dan lain-lain lagi.

**Keempat**, bersikap adil dalam penghayatan dan perbuatannya. Adil bererti kesaksamaan dalam melayani dan menyantuni orang-orang di sekelilingnya, termasuk adil pada fitrah dirinya sendiri.

Keprihatinannya kepada yang lemah dan yang memerlukan menjadi teras keberagamaannya. Dia juga adil dalam menilai apa jua di sekelilingnya, termasuk mereka yang dianggap tidak sehaluan dengannya.

**Kelima**, bermusyawarah dalam perhubungan sesama dan antara umat. Hubungan sesama manusia, sama ada seagama atau tidak, dipandangnya antara kewajiban yang mendasar. Perbezaan diterima sebagai hakikat kehidupan, bukan sempadan untuk membuat benteng permusuhan dan kecurigaan.

**Keenam**, berkepedulian pada pembebasan. Yang dimaksudkan ini ialah agama menjadi obor untuk menjamin kebebasan manusia dari kezaliman, kemunafikan, penginjakan martabat, ketidakmanusiaan, mahupun ketakutan terhadap kuasa-kuasa yang menyebabkan perkara-perkara tersebut.

Termasuk juga disini pembebasan dari segi nuraninya, iaitu manusia itu bebas daripada belenggu kekuasaan yang boleh wujud dalam bentuk jasmani dan rohani. Kebebasan meyakini dan beragama diterima sebagai hakikat selagi tidak merosakkan yang lain dan dirinya sendiri.

**Ketujuh**, berpijak pada kerohanian yang inklusif di mana dia mengikhtiraf bahawa jalan menuju dan mendapatkan Rahmat Tuhan terdapat dalam pelbagai wadah dan jalan. Kerohaniannya bukan saja kemantapan dalaman melainkan juga termanifestasi dalam perbuatan menyayangi, menghargai dan merahmati segala kehidupan di bumi ini.

**Kelapan**, dia berpegang pada harapan bahawa agama itu adalah kandil yang menerangi manusia daripada kegelapan. Harapannya ialah untuk melihat dunia yang lebih baik agar semua umat manusia dapat hidup dalam semangat berbakti kepada Tuhan dan

kemanusiaan. Harapan ini berpijak pada kesungguhan untuk membina dunia yang lebih baik untuk semua.

Jelasnya, manusia yang memiliki semangat beragama yang membina menunjukkan bagaimana seorang insan beriman yang boleh menjadi contoh kepada umat agama yang lain, mahupun umat seagamanya.

Semangat itu akan membenarkan seseorang itu membina suatu kefahaman agama yang terus relevan dalam kehidupan, yakni sebagai suluh kerohanian, tunggak nilai dan panduan untuk memperbaiki, memperbetul dan mengkritik kehidupan hari ini yang penuh dengan cabaran.

Tentunya, antara cabaran ini ialah semangat beragama yang meruntuh. Semangat ini dibelenggu kejahilan kerana hanya ilmunya saja yang difikirkannya sah. Lafaznya selalu hukum, menghukum dan hukuman, sedangkan hikmah tidak direnungkan.

Adabnya kasar, lekas marah, lantas culas menyorak dengan biadab terhadap yang lain. Etika agama dan kemanusiaan yang universal tidak dicermati, tapi perkara yang remeh-temeh dipedulikan.

Seruan adil hanya dia kumandangkan apabila dirinya dizalimi tetapi bila berlaku pada yang lain, hak itu tidak dia berikan. Mencari kerukunan dalam musyawarah tidak terfikirkan olehnya kerana dia saja pemilik kebenaran.

Banyak lagi ciri dan segi-segi jahat yang terdapat dalam semangat beragama yang meruntuh ini. Adu domba, fitnah, menghina, menjatuhkan maruah dan mengaibkan nama baik orang adalah diantaranya, dan sering kali ianya dibuat atas nama “membela agama.”

Itulah antara ciri-ciri semangat beragama yang meruntuh. Inilah semangat yang orang Melayu sering sebut sebagai “salah bawa” baik dalam ilmu, perbuatan dan pemahaman.

Agar yang “salah bawa” ini tidak terus merosakkan citra dan ruh beragama, makanya harus menjadi kepedulian kita menyuburkan semangat beragama yang membina, agar kita menjadi umat beriman yang akan membawa rahmat pada sekeliling dan serata alam.

Menyuburkan semangat beragama yang membina, dan membaikpulih semangat yang meruntuh itu, adalah tuntutan yang harus kita penuhi bersama.

\*\*\*\*\*